

05 OCT 1996

Mahathir-BN

PERATURAN SEKAT KOMPONEN BN DISERET KE MAHKAMAH PERLU ADA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semua parti komponen Barisan Nasional (BN) perlu mempunyai peraturan menghukum mana-mana anggotanya yang membawa masalah dalaman parti ke mahkamah.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata undang-undang yang sedia ada juga telah dipinda untuk menghalang mana-mana pihak daripada membawa masalah dalaman parti politik ke mahkamah.

Beliau merujuk kepada Seksyen 18(c) Akta Pertubuhan yang menyebut bahawa keputusan sesuatu parti politik atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya atau oleh perlembagaannya atau kaedah-kaedah atau peraturan yang dibuatnya tentang pentafsiran perlembagaan berhubung hal ehwal parti adalah muktamad dan konklusif.

Keputusan itu tidak boleh dicabar, dirayukan, dikaji semula, dibatalkan dan dipersoalkan di mana-mana mahkamah berdasarkan apa-apa alasan, dan tiada mahkamah yang mempunyai bidang kuasa untuk melayani atau memutuskan apa-apa guaman, permohonan, soal atau prosiding atas apa-apa alasan berkenaan dengan keputusan itu.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional ke-25 Parti Gerakan di ibu pejabat parti itu di sini hari ini, Dr Mahathir berkata BN tidak perlu menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana anggota parti BN yang membawa masalah dalaman parti ke mahkamah.

"Itu terpulang kepada parti-parti BN. Kita (BN) tidak ada kuasa untuk menguasai keadaan (masalah) dalam parti," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas tindakan anggota sesetengah parti komponen BN yang membawa masalah dalaman parti mereka ke mahkamah seperti dalam Gerakan dan Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP).

Dalam kes Gerakan, Ahli Parlimen kawasan Batu Datuk Joseph Chong telah mengheret parti itu ke mahkamah untuk mendapatkan perintah agar beliau diterima semula sebagai anggota Jawatankuasa Pusat bagi membolehkannya bertanding jawatan Presiden Gerakan. Bagaimanapun, beliau gagal dalam usaha itu apabila mahkamah membuat keputusan bahawa ia tidak mempunyai bidang kuasa untuk melayani atau memutuskan permohonan seperti yang dibuat oleh Chong.

Umno dan MIC ialah antara parti komponen BN yang telah meminda perlembagaan parti masing-masing untuk menghalang mana-mana anggota mereka daripada membawa masalah dalaman parti ke mahkamah.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pula baru-baru ini berkata bahawa parti itu akan turut meminda perlembagaannya selepas tindakan Chong itu.

Dr Mahathir berkata parti-parti komponen BN juga boleh memperkenalkan kod etika seperti dalam Umno "tetapi (kod itu) ini adalah bersifat peribadi".

"Kalau kita jadi satu bangsa yang corrupt (rasuah), lambat laun bukan saja parti tetapi negara juga akan hancur. Segala yang kita dapat bina ini, semuanya akan hilang. Percayalah, negara yang corrupt tidak boleh maju," kata beliau dengan merujuk kepada anggota-anggota parti politik yang menjejaskan imej parti mereka dengan mengamalkan politik wang.

Ketika ditanya sama ada peranan Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan dipertingkatkan bagi menangani masalah rasuah termasuk dalam parti politik, Dr Mahathir berkata perkara itu telahpun dilakukan tetapi kadang-kadang agensi itu menghadapi masalah dalam mendapatkan bukti yang mencukupi untuk membawa sesuatu kes itu ke mahkamah.

"Oleh itu, parti-parti (politik) sendiri mesti bersedia untuk bertindak

terhadap ahli-ahli mereka berdasarkan kepada bukti yang mencukupi," kata beliau.

Dr Mahathir berkata dalam kes yang melibatkan pegawai atau kakitangan kerajaan, BPR tidak dapat membawa mereka yang didapati menerima rasuah ke mahkamah kerana tidak mempunyai bukti yang mencukupi.

"Justeru itu, kita kerap kali juga tidak memberi tempat kepada mereka (dan) memindahkan mereka dari jawatan yang mempunyai kuasa kepada jawatan yang tidak mempunyai kuasa. Ini adalah tindakan dalaman yang boleh diambil."

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, membidas sikap sesetengah anggota parti yang menjadi wakil dalam pemilihan parti yang bukan saja menerima rasuah tetapi meminta rasuah daripada calon-calon.

Sambil menganggap calon-calon yang mengamalkan politik wang sebagai tidak bermoral, beliau meminta perwakilan supaya tidak memilih mereka kerana "parti yang tidak ada moral lambat laun akan hancur".

"Malangnya orang yang nak jadi pemilih (perwakilan) ini juga kadang-kadang minta duit. Bukan sahaja dia tunggu dapat duit, dia pergi minta duit...Bila kita sampai kepada tahap itu, susahlah nak balik kepada keadaan yang bersih.

"Jadi kalau macam itu, kita akan jadi satu masyarakat corrupt (terlibat dalam rasuah) masyarakat yang corrupt ini tak lama akan runtuh," kata beliau.

Ketika ditanya apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah politik wang, Dr Mahathir berkata parti-parti komponen BN harus menyemaikan nilai-nilai etika di kalangan anggota-anggota mereka. --BERNAMA

ES MAI